

## **DASAR HARTA INTELEK NEGARA**

Tujuan utama **Dasar Harta Intelek Negara (DHIN)** adalah untuk memanfaatkan **harta intelek (HI)** sebagai enjin pertumbuhan yang baru untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi dan sosial.

**DHIN** memberi fokus kepada memaksimumkan sumbangan **HI** dalam mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi dan teknologi dengan cara mewujudkan suasana yang menggalakkan penghasilan berterusan **HI**, menyediakan sistem perlindungan **HI** berpiawaian tinggi, memajukan pengeksplotan **HI** berpotensi komersil, memupuk pembangunan industri-industri sokongan dan membangunkan keupayaan sumber manusia untuk melaksanakan dasar dengan jayanya.

Pentingnya **HI** untuk pertumbuhan ekonomi telah lama disedari. Dalam ekonomi semasa yang berasaskan pengetahuan, **HI** adalah aset ekonomi berharga dan juga alat perniagaan kritikal yang boleh memberi daya saingan. Mengurus dan memanfaatkan **HI** secara strategik adalah cara untuk meningkatkan daya saingan jangka panjang negara dalam ekonomi pengetahuan.

## **RASIONAL DHIN**

**DHIN** diperlukan sebagai panduan utama dalam menggubal undang-undang berkaitan dengan **HI** bagi melaksanakan semua aktiviti berkaitan dengan **HI** oleh agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi penyelidikan, institusi-institusi pengajian tinggi, organisasi-organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta dengan tujuan untuk memajukan penggunaan **HI** untuk pembangunan sosio-ekonomi dan teknologi. **DHIN** juga wajar digunakan sebagai panduan dalam penggubalan mana-mana dasar ekonomi atau sosial negara.

Dasar ini juga diperlukan untuk memudahkan pembentukan suasana yang menggiatkan dan memupuk ciptaan, perlindungan, penguatkuasaan, pengurusan dan pengeksplotan maksimum **HI** bertujuan untuk membangunkan industri **HI** yang cergas sebagai pendorong pertumbuhan masa depan negara. Tujuannya ialah untuk menempatkan **DHIN** sebagai komponen penting dan bersepadau dasar ekonomi negara untuk meningkatkan daya saingan Malaysia.

Dasar ini juga perlu untuk memaju dan mananamkan budaya **HI** di kalangan masyarakat perniagaan dan juga orang awam. Tujuannya ialah untuk mewujudkan masyarakat yang menghargai **HI** sebagai aset ekonomi berharga serta menghormati hak-hak pemilik **HI**.

Dasar juga perlu untuk menyokong salah satu daripada **objektif Akta Jaminan (Bill of Guarantees)Koridor Raya Multimedia (MSC)** – untuk “menjadi pemimpin rantaui dalam perlindungan HI dan undang-undang siber.”, Dasar Bioteknologi Kebangsaan, Dasar Kepelbagaian Biodiversiti dan lain-lain dasar yang berkaitan dengan **HI**.

\*\*Untuk keterangan lebih lanjut berkaitan **Dasar Harta Intelek Negara**, sila layari [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)

\*\*Unit SME merupakan pejabat yang bertanggungjawab di dalam usaha mengkomersilkan produk penyelidikan UniMAP. Harta Intelek dan isu berkaitan dengannya juga berada di bawah tanggungjawab unit ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus:

Small Medium Enterprise Unit  
Jabatan Canselor  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
NO: 12, Taman Utara Jejawi  
Jalan Jejawi Sematang  
02600 Arau  
Perlis  
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

*Bersambung pada keluaran akan datang...*

## NATIONAL INTELLECTUAL PROPERTY POLICY

The main purpose of the **National Intellectual Property Policy (NIPP)** is to leverage **intellectual property (IP)** as a new growth engine to improve the economic and social prosperity.

**NIPP** focus on maximizing the contribution of **IP** in the accelerated socio-economic development and technology by creating an environment that encourages continuous production of **IP**, to provide high standards of protection system **IP**, **IP** potential development of commercial exploitation, promote the development of industries to support and develop the ability to human resource implement policies successfully.

The importance of **IP** for economic growth has long been recognized. In the current knowledge-based economy, **IP** is a valuable economic assets and critical business tool that can provide competitive advantage. **IP** is strategic advantage in a way to improve the nation's long-term competitiveness in the knowledge economy.

## RATIONALE NIPP

**NIPP** required as the main guide in the formulation of laws related to the **IP** for implementing all activities related to the **IP**. This is especially significant for government agencies, research institutions, institutions of higher learning, non-governmental organizations and the private sector with the aim of improving **IP** use for socio-economic development and technology. **NIPP** also served as a guide in the establishment of economic or social policy.

This policy is also needed to facilitate the creation of environment as it encourage and foster the creation, protection, enforcement, management and maximum exploitation. This will ultimately develop a vibrant industry which encourage the expansion of the economics. The idea is also to map **NIPP** as part and parcel of national economic policies to enhance competitiveness in Malaysia.

Apart from that, **NIPP** is also develop to cultivate **IP** culture in the business community and the public which will create a society that values **IP** as valueable assets and provide awareness on the rights of the owner of **IP**.

**NIPP** has also become the crucial elements incorporated in the **Bill of Guarantees Multimedia Super Corridor (MSC)**-to "be **IP** leader region in the protection and cyber law.", The National Biotechnology Policy, Diversity Policy and other biodiversity policies related to the **IP**.

\*\*For more details about **National Intellectual Property Policy**, please visit [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)

\*\*SME Unit is the office in charge to commercialise the university's research product. IP and issues related to it is also under the custodian of this office. For further enquiries, please contact:

Small Medium Enterprise Unit  
Jabatan Canselor  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
NO: 12, Taman Utara Jejawi  
Jalan Jejawi Sematang  
02600 Arau  
Perlis  
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

*To be continued...*